

PERCUMA

مکمل MAIPk

MAIPk EDISI PERTAMA 2014 BIL. KETIGA BELAS



PERPADUAN

Asas Kesejahteraan



PENUBUHAN SKUAD PRIHATIN ASNAF



ASNAF MUALLAF TERIMA BANTUAN RUMAH MAIPk



Perutusan KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK

Assalamualaikum wbt.,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Mana Mengasihani. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat kita bertemu lagi dalam edisi Wadah MAIPk pada kali ini.

Kesedaran kewajiban mengeluarkan zakat telah meningkat dari tahun ke tahun di Negeri Perak Darul Ridzuan ini. Pada tahun 2013, MAIPk telah memperolehi sejumlah RM111,818,152.00 daripada hasil pembayaran zakat iaitu peningkatan sebanyak 8.35 peratus berbanding tahun sebelumnya (2012: RM103,202,759.00). Serentak dengan itu, jumlah agihan zakat pada tahun 2013 kepada asnaf turut meningkat kepada RM101,641,794 (2012: RM82,093,742) iaitu peningkatan sebanyak 23.8 peratus.

Asnaf fakir dan miskin merupakan penerima terbanyak agihan wang zakat iaitu sebanyak RM54,300,221.00 atau 53.4 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan. Bantuan kepada golongan ini meliputi pelbagai jenis bantuan seperti elaun bulanan, bantuan perubatan, bantuan modal perniagaan dan sebagainya lagi.

Bagi memastikan bantuan-bantuan yang disediakan oleh MAIPk dapat diakses oleh asnaf yang layak, MAIPk pada 19 Februari 2014 telah melancarkan Skuad Prihatin Asnaf sebagai langkah pro-aktif untuk menjelaki asnaf-asnaf terutamanya yang tinggal di kawasan pendalaman dan sukar dihubungi. Skuad ini juga berperanan untuk menghulurkan bantuan kepada anggota masyarakat Islam yang ditimpah musibah dan memerlukan tindakan segera.

Di dalam konteks bantuan modal perniagaan sebagai medium untuk membantu asnaf fakir dan miskin untuk keluar daripada belenggu kemiskinan, ia memerlukan perancangan yang teliti dan sistematis serta tidak bersifat adhoc. Justeru itu, MAIPk akan menambah baik Program Pemerksaan Asnaf yang dirancangkan untuk membina upaya dan menjayakan asnaf bagi merealisasikan hasrat mengeluarkan mereka daripada senarai penerima bantuan zakat dan seterusnya menjadi pembayar zakat pada masa akan datang.

Akhir kalam, saya mengambil peluang ini untuk menyeru para pembaca terus melaksanakan kewajipan berzakat serta berwakaf kepada MAIPk. Sokongan semua pihak akan dapat membantu kami untuk terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bagi membangunkan sosioekonomi umat Islam di Negeri Perak selaras dengan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kami.

Sekian, wassalam.

Dr. Amiruddin bin Muhammed

Tahniah!

Sidang Redaksi mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk yang baharu iaitu

Dr. Amiruddin bin Muhammed

Sidang Redaksi

Penasihat:

Dr. Amiruddin bin Muhammed

Ketua Editor:

En. Wan Abdul Halim Hafizd b. Mohd Amin

Editor:

Cik Nurul Fatin Nadiah binti Mat A'isa

Kumpulan Penulis:

En. Mohd Syakirin bin Jalaludin
Bahagian Zakat
Bahagian Hartanah dan Pelaburan
Pejabat-pejabat MAIPk Daerah

Jurufoto:

En. Khairil Anuar bin Mohd Mokhtar
En. Mohd Sharizal bin Mat Sah

Edaran:

Unit Perhubungan Korporat

Diterbitkan oleh:

Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000
Faks: 05-2414257

Laman web: www.maiamp.gov.my
Emel: korporat@maiamp.gov.my

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-186

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah dalam Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali ke-186 bahawa, konsep pembentukan Negara Islam pertama Madinah di bawah pimpinan Baginda Rasulullah S.A.W., berpaksikan ummah atau people centric, yang telah mencatatkan sejarah kegemilangan Islam dalam tadbir urus sesebuah negara. Pentadbiran Kota Madinah yang berteraskan sebuah Perlembagaan yang begitu komprehensif, yang dinamakan Perlembagaan Madinah, mempunyai persamaan senario dan semangat yang terkandung dalam penggubalan Perlembagaan Tanah Melayu terutamanya dari sudut kepelbagaiannya kaum dan budaya, perbezaan anutan agama, tahap pencapaian ekonomi, penguasaan literasi dan sebagainya.

"Umat Islam dan orang Melayu hari ini, jangan tersalah sukat, jangan tersilap bacaan, merasakan diri mereka sudah terlalu kuat. Umat Islam dan orang Melayu muncul sebagai tenaga pimpinan yang kuat di bumi ini pada era pra dan pasca merdeka, kerana mereka ketika itu menyedari kelemahan dan kekurangan ummah dan bangsanya, lalu majoriti mereka mengambil pendirian, berusaha mengumpul dan menggabungkan setiap kekuatan yang ada sesama mereka,

*'... menjemput yang jauh
menghimpun yang dekat'*

*'kalau alim hendakkan doanya
kalau kaya hendakkan emasnya
kalau buta penghembus lesung
kalau pekak pembakar bedil ...'*

MAJLIS PENGANUGERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI DAN SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK SERTA PENYERAHAN CEK ZAKAT PERNIAGAAN DAN TANAMAN 2014



Falsafah perpaduan yang digambarkan melalui perlilangan Adat Perpatih itu diadaptasi oleh orang Melayu, lalu terbina satu tenaga atau force yang dihormati, memiliki kegagahan mempertahankan kesucian agama dan maruah bangsa, berupaya menyebarkan syiar Islam dan mengangkat martabat bangsa. Kini, sumber kekuatan ummah dan bangsa kelihatan semakin diruntuhkan berpunca daripada pelbagai kemungkaran. Umat Islam dan orang Melayu ketika ini pula semakin berlumba untuk mendedahkan kelemahan sesama sendiri, saling melukiskan wajah Melayu mana yang lebih hodoh. Jika keadaan ini terus berlarutan, umat Islam dan orang Melayu tidak lagi memerlukan musuh dari luar untuk memusnahkan kesucian Islam dan bangsa Melayu di bumi ini. Ketika bangsa tersilap anggapan bahawa dirinya telah begitu ke hadapan dalam era modenisasi dan globalisasi, ada baiknya diingatkan kembali, pesanan orang tua-tua, 'buat baik berpadu-pada – buat jahat jangan sekali', jika tersesat di hujung jalan – segera balik ke pangkal jalan', agar bangsa tidak akan berakhir dengan senario menang sorak – kampung tergadai, bernasib setinggan di bumi sendiri.", titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu kali ke-186 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 06 Mac 2014.

Baginda berdoa semoga Allah S.W.T. mengamanahkan tanggungjawab pimpinan negara dan pimpinan ummah di kalangan hambaNya yang memiliki sifat-sifat tawaduk dan takwa, memiliki kekuatan membela nasib bangsanya serta ketegasan mempertahankan kesucian Islam, dan turut berjaya membawa ummah dan watan mencapai nikmat kesejahteraan di bawah naungan pemerintahan yang senantiasa mendapat rahmat ILAHI. Turut didoakan pimpinan ummah dan negara dijauhi daripada terlepas ke tangan orang-orang bersifat riak dan sombong hingga mereka begitu mudah didampingi Iblis untuk melakukan kerosakan di bumi ini.



IPOH – Pada 06 Mac 2014 telah dianjurkan Majlis Penganugerahan Watikah Pelantikan Ahli dan Setiausaha Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak serta Penyerahan Cek Zakat Perniagaan dan Tanaman di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh. Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah berkenan untuk menyempurnakan majlis tersebut. YB. Puan Rohana binti Abd. Malek menerima watikah pelantikan sebagai Ahli MAIPk manakala YBrs. Dr. Amiruddin bin Mohamed menerima watikah pelantikan sebagai Setiausaha MAIPk. Turut hadir ke majlis tersebut ialah YAB. Menteri Besar Perak, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri dan Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan dan tanaman yang diserahkan kepada MAIPk ialah RM6.84 juta. Berikut merupakan pihak-pihak yang menyerahkan zakat kepada pihak MAIPk –

BIL	NAMA AGENSI	JUMLAH ZAKAT (RM)
1	LEMBAGA TABUNG HAJI (Zakat Perniagaan 2013)	3,181,847.21
2	TENAGA NASIONAL BERHAD (Zakat Perniagaan 2013)	2,145,324.78
3	FELCRA BERHAD WILAYAH PERAK (Zakat Tanaman Padji Muslim 2/2013)	1,089,444.16
4	PERTUBUHAN PELADONG NEGERI PERAK (Zakat Perniagaan 2012)	364,859.65
5	HSBC AMANAH TAKAFUL (M) SDN. BHD. (Zakat Perniagaan 2012)	60,000.00

PELANCARAN SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPk

IPOH – Pada 17 Februari 2014 telah diadakan Majlis Perasmian Pelancaran Skuad Prihatin Asnaf Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Majlis ini disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Mohamed. Tetamu yang hadir ke program ini ialah Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak, En. Rahmat bin Ismail, Timbalan Pengarah I Jabatan Kebajikan Masyarakat, En. Mohamad Nasir bin Suratman, Timbalan Mufti Negeri Perak, Tuan Haji Zamry bin Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif PKEINPk Sdn. Bhd., Tuan Haji Mohamad Tarmizi bin Taib.

Kewujudan Skuad Prihatin Asnaf merupakan suatu bentuk inovasi dalam aspek kecekapan penyaluran bantuan kepada masyarakat. Skuad ini ditubuhkan untuk menyalurkan bantuan segera kepada masyarakat yang ditimpa musibah. Di samping itu, golongan fakir dan miskin yang hidup melerat dan kesempitan tanpa pernah mendapat apa-apa bantuan sama ada daripada pihak kerajaan, institusi zakat, badan-badan korporat maupun orang persendirian segera didekati serta diberi bantuan segera yang sewajarnya.

Skuad Prihatin Asnaf bergerak melaksanakan operasi sejurus menerima maklumat daripada pelbagai kumpulan masyarakat seperti pasukan keselamatan, media massa, pemimpin-pemimpin di pelbagai peringkat komuniti masyarakat atau para pekhidmat MAIPk di daerah. Jika berlaku musibah kepada sebahagian masyarakat atau didapati terdapat keluarga yang susah belum menerima apa-apa bantuan boleh dimaklumkan kepada pihak MAIPk di talian 05-2084000.

Para penerima bantuan daripada Skuad Prihatin Asnaf akan menerima bantuan awal iaitu bantuan wang tunai serta barang dapur atau peralatan asas. Selepas itu, bantuan-bantuan lain yang bersifat menyeluruh akan disalurkan setelah menerima laporan daripada pegawai yang turun di lapangan.

Di samping itu, dalam majlis yang sama, pihak MAIPk menyerahkan beberapa bantuan kepada penerima-penerima bantuan seperti berikut –



BIL.	NAMA PENERIMA	JUMLAH BANTUAN(RM)	JENIS BANTUAN
1.	Aminah binti Haji Arshad (RPT Kg. Sri Aman, Ipoh)	35,000	Bantuan Rumah (2 Bilik)
2.	Zainal Bin Yusoff (Kg. Lubok Pusing, Changkat Kruing, Perak)	13,000	Bantuan Modal (Bot dan Enjin)
3.	Zahari bin Manaf (Taman Gunung View)	9,200	Bantuan Modal (Mesin Santan)
4.	Abu Bakar bin Omar (Kuarters JKR Gunung Lang)	1,000	Maslahah Am (Kebakaran)



Sumbangan kepada mangsa kebakaran rumah di Kampung Dato' Ahmad Said, Tambahan 2, Ipoh pada 02 Mac 2014.

AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF



Sumbangan kepada mangsa kebakaran rumah di Kampung Sungai Tapah, Ipoh pada 27 Mac 2014.

Sumbangan kepada mangsa kebakaran rumah di Kampung Repoh, Batu Kurau pada 07 Mac 2014.



Sumbangan kepada mangsa kejadian ribut di Kampung Changkat Piol, Manong pada 17 April 2014.

Sumbangan kepada mangsa kejadian ribut di Kampung Ara Payung, Batu Gajah pada 07 April 2014.



SEMINAR ZAKAT KORPORAT



IPOH – MAIPk menganjurkan Seminar Zakat Korporat pada 29 Januari 2014. Program ini yang dirancang sejak tahun 2013 diadakan di Hotel Casuarina di Meru Raya, Ipoh, Perak. Program ini diadakan dengan kerjasama firma Zahar & Associates Sdn. Bhd. Program ini dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhammed. Turut hadir ke program ini ialah Penasihat Agama MAIPk iaitu Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor dan Pengarah Urusan Zahar & Associates Sdn. Bhd., Encik Zahar bin Hashim. Sebahagian besar peserta terdiri daripada usahawan-usahawan bumiputera.

Terdapat empat slot dalam seminar tersebut. Slot pertama membincangkan tentang kewajipan membayar zakat terutama zakat perniagaan daripada perspektif perniagaan. Slot ini dibentangkan oleh Prof. Madya Dr. Zaharuddin bin Abd Rahman. Slot kedua pula membincangkan tentang kaedah pengiraan zakat perniagaan. Slot ini disampaikan oleh En. Ariff bin Apandi, Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan MAIPk. Slot berikutnya, para peserta dihidangkan dengan testimonial-testimonial pembayar zakat dalam bentuk multimedia untuk memberi kesedaran berzakat. Slot terakhir merupakan forum yang menampilkan Ustaz Ghazali bin Ibrahim, pendakwah bebas, En. Mohd Haidi bin Sulaiman, TKPE Pengurusan dan Dato' Haji Musa bin Haji Nordin, Pengarah Urusan Hedd Industries Sdn. Bhd.

Semoga para peserta dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehi bagi melaksanakan kewajipan berzakat. Dengan melaksanakan kewajipan berzakat, insya Allah barakah turun mencurah-curah tanpa hadnya.



MAHASISWI PERAK TERIMA ANUGERAH

KAHERAH – Seorang mahasiswi Perak yang menerima bantuan dermasiswa Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan antara penerima anugerah tertinggi dalam majlis yang dianjurkan oleh Kedutaan Besar Malaysia di Mesir bagi mengiktiraf kecemerlangan akademik dan kepimpinan mereka. Majlis penganugerahan tersebut diadakan pada 30 Januari 2014 di Kaherah, Mesir.

Atase Pendidikan Negeri Perak di Mesir, Ustaz Munawir bin Mohamed Noh menjelaskan bahawa, anugerah berkenaan adalah pertama kali diadakan oleh pihak Kedutaan Besar Malaysia Kaherah. "Bagi pihak Pejabat Atase Pendidikan Negeri Perak di Mesir, kami berasa sangat berbangga dengan pengiktirafan tersebut dan ini menunjukkan bahawa, anak-anak Negeri Perak Darul Ridzuan yang sedang belajar di Mesir berada sebaris dengan kelompok mahasiswa cemerlang. Anugerah ini juga merupakan galakan kepada anak-anak negeri Perak yang lain untuk terus mencipta kecemerlangan dalam pendidikan serta menunjukkan usaha serius pihak MAIPk membantu golongan asnaf Fisabilillah dalam aspek keilmuan.", katanya melalui kiriman email dari Madinat Nasr, Kaherah kepada pihak sidang redaksi Wadah MAIPk.

Mahasiswi yang telah mengharumkan nama negeri Perak Darul Ridzuan di Mesir adalah Zahidah binti Zainal Abidin, penuntut tahun tiga di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Jabatan Usuluddin dan Ulum Quran, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir. Beliau telah menerima Anugerah Kecemerlangan dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,500.00 bersama sijil tajaan syarikat petroleum negara, Petronas yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Dato' Ku Jaafar bin Ku Shaari, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir.

"Saya bersyukur dengan kejayaan ini. Terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, pensyarah-pensyarah seterusnya kepada pihak MAIPk yang telah membantu saya sehingga berjaya ke tahap begini. Ia satu penghormatan dan pengiktirafan kepada seluruh anak negeri Perak Darul Ridzuan terutamanya penerima zakat MAIPk yang berada di Mesir. Harapan saya semoga kejayaan ini dapat dikongsi bersama dan akan muncul lebih ramai mahasiswa cemerlang dari negeri Perak sekaligus dapat kembali berkhidmat dan menabur bakti dalam masyarakat." Ujar Zahidah.



Zahidah (dua dari kiri) bersama dengan CEO Petronas Egypt, En. Amin dan Ustaz Munawir



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA MAIPK

IPOH – Dua syarikat terkemuka di Malaysia, Telekom Malaysia (TM) dan Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd. (BW) telah menyerahkan zakat perniagaan tahun 2013 kepada MAIPk. Pihak TM diwakili oleh Tuan Haji Badrul Hisham bin Bahari menyerahkan cek zakat perniagaan kepada Penasihat Agama MAIPk, Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor pada 21 Januari 2014 di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Manakala pihak BW diwakili oleh Tuan Haji Muhammad Razif bin Abu Hassan menyerahkan cek zakat perniagaan kepada Mufti Negeri Perak, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria di Dewan Persidangan, Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Pihak TM menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM92 ribu manakala pihak BW menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM175 ribu. Majlis penyerahan cek-cek zakat perniagaan disaksikan oleh Dr. Amiruddin bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Didoakan semoga amalan berzakat dapat menyucikan harta milik TM dan BW serta pendapatan mereka akan bertambah pada masa hadapan.



PERHIMPUNAN BULANAN MAIPK BIL. 01/2014

IPOH – Pihak MAIPk telah menganjurkan Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil. 01/2014 pada 27 Februari 2014 di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Program ini merupakan perhimpunan bulanan kali pertama diadakan pada tahun 2014 dihadiri oleh sebahagian besar pekhidmat MAIPk seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan. Perjalanan program ini diuruskan oleh Bahagian Zakat, MAIPk. Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu iaitu Dr. Amiruddin bin Muhammed memberikan ucaptama dalam program ini. Antara tetamu yang turut hadir dalam program ini ialah Penasihat Agama MAIPk, Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor.

Dalam ucapan KPE MAIPk, beliau berbesar hati kerana dapat berkhidmat di MAIPk. Beliau menyeru dan mengajak semua pekhidmat MAIPk meneruskan perkhidmatan dengan ikhlas, berintergriti dan cekap. Selain itu, beliau turut mengingatkan warga MAIPk sasaran kerja yang ingin dicapai pada tahun 2014 dalam aspek pungutan dan agihan zakat serta wakaf. Pungutan zakat yang ingin dicapai berjumlah RM120 juta manakala RM125.9 juta diagihkan kepada asnaf-asnaf di Negeri Perak. Pihak MAIPk memperuntukkan RM1 juta bagi bantuan pembangunan dan pengurusan masjid di seluruh Negeri Perak pada tahun ini. Beliau turut mengingatkan agar pekhidmat-pekhidmat MAIPk sentiasa menuruti prosedur dan peraturan-peraturan kewangan dan pengurusan yang telah ditetapkan bagi memastikan tiada berlaku sebarang penyelewengan. Beliau mendoakan semoga Allah SWT. sentiasa melindungi dan merahmati MAIPk dan semua pekhidmat MAIPk bagi menyempurnakan peranan dan fungsi MAIPk yang mulia ini.

Perhimpunan bulanan kali ini turut diisi dengan ceramah mengenai "Kesihatan Reproduksi" oleh Dr. Norashikin binti Maan dari Pusat Perubatan Ar-Ridzuan dan ceramah bertajuk "Penjagaan Kesihatan Mengikut Perspektif Islam" oleh Ustaz Ahmad Munawir bin Salehudin.





Perhimpunan Kontraktor Perbekalan dan Perkhidmatan Gred G1 lantikan MAIPk dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk di Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 10 Februari 2014



Seorang mahasiswa Negeri Perak yang menerima dermasiswa zakat MAIPk, Maryam binti Abu Bakar dinobatkan sebagai graduan cemerlang dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Perubatan di Majlis Konvokesyen Program Malaysia – Universiti Mansurah pada 25 Februari



Ceramah Perdana Lambaihan Zakat oleh PU Shahul pada 08 Mac 2014 di Padang KDSK, Manjung



Program Jejak Asnaf Daerah Slim River pada 10 Mac 2014 dianjukan oleh MAIPk Daerah Slim River turut dihadiri oleh PSU Zakat, Ustaz Bakri bin Lee



Lawatan kerja ke Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada 09 April 2014 diketuai oleh Penasihat Agama MAIPk Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor



Bantuan Pengupayaan Iktisad Masjid diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk kepada pihak Masjid Jamek Medan Klebang Restu, Chemor, Perak berbentuk bantuan 10 buah khemah bernilai RM33,000.00.



Kunjungan korporat MAIPk terhadap Pengurusan Mydin, Dato' Dr. Haji Ameer Ali bin Mydin yang diketuai oleh Ustaz Bakri bin Lee pada 09 April 2014.



Rombongan MAIPk yang diketuai oleh Penasihat Agama MAIPk melawat Asrama Kebajikan Anak-Anak Yatim/Fakir Miskin Darul Akhyar MAIDAM di Kuala Terengganu pada 10 April 2014.



Lawatan kerja MAIPk ke Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu pada 10 April 2014 yang diketuai oleh Penasihat Agama MAIPk.



Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan 2014 Daerah Kampar kepada 706 penerima di Dewan SMK Sri Kampar oleh PBD Kampar pada 19 April 2014.



Lawatan ke Tapak Perkuburan Masjidut Taqwa, Teluk Intan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk bersama-sama Ahli Jawatankuasa Kariah pada 28 April 2014.



MAIPk Batu Gajah menganjurkan Kursus Sembelihan Ayam dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Batu Gajah yang disertai asnaf-asnaf Fakir dan Miskin pada 30 April 2014.

LAWATAN KERJA MAIWP KE PROGRAM PEMERKASAAN ASNAF MAIPk DAN PERBINCANGAN DENGAN PENGURUSAN MAIPk

Ipo – Satu rombongan dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) pada 04 Mac 2014. Rombongan tersebut seramai tiga puluh orang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar. Tujuan lawatan tersebut diadakan bagi melihat program pemerkasaan asraf yang dilaksanakan oleh MAIPk serta perbincangan dengan Pengurusan MAIPk.

Lawatan program pemerkasaan asraf diadakan pada waktu pagi. Premis pertama dilawati ialah Muslimah Beauty and Spa di Taman Soon Chun, Simpang Pulai. Premis ini menyediakan perkhidmatan kecantikan serta kesihatan untuk wanita. Pihak MAIPk menyediakan bantuan modal dengan menampung kos sewa serta peralatan atas premis tersebut. Rombongan MAIWP seterusnya dibawa ke premis Kreatif Collection di Klebang, Ipoh. Premis ini merupakan tempat jahitan baju yang diuruskan oleh sekumpulan wanita yang mempunyai kemahiran menjahit. Kumpulan wanita ini menerima bantuan modal MAIPk dalam bentuk peralatan jahitan serta tanggungan sewaan premis.

Pada sebelah petang, rombongan MAIWP dibawa ke Kompleks Islam Darul Ridzuan bagi slot perbincangan dengan Pengurusan MAIPk. Pengurusan MAIPk diketuai oleh Dr. Amiruddin bin Muhammed memberi taklimat mengenai pembangunan asraf yang dilaksanakan oleh MAIPk. Turut diadakan sesi perbincangan dan disusuli pertukaran cenderamata antara kedua-dua pihak. Semoga lawatan kerja ini mengeratkan silaturrahim antara kedua-dua pihak serta meningkatkan keberkesanan agihan zakat kepada masyarakat.



MENGURUS RISIKO DENGAN BAIK LANGKAH TERBAIK MEMPERKASA PENGURUSAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



IPOH - Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Risiko MAIPk, Dato' (Dr.) Haji Abd Malek bin Awang Kechil telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa pejabat pentadbiran MAIPk di daerah iaitu daerah Lenggong, Bagan Serai dan Taiping. Sesi lawatan pertama diadakan pada 01 April 2014 dan sesi kedua adalah pada 10 April 2014 iaitu ke pejabat pentadbiran daerah Kuala Kangsar.

Lawatan kerja yang diadakan bertujuan memperoleh gambaran sebenar dan pendedahan lebih dekat berkaitan pentadbiran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang dilaksanakan di daerah-daerah. Di samping itu, lawatan ini diadakan bertujuan untuk meneliti beberapa isu risiko bagi diambil perhatian dalam menyediakan pelan pengurusan risiko Majlis. Antara isu-isu tersebut adalah berkaitan persekitaran pejabat, pengurusan kewangan dan pengurusan agihan zakat.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dibentuk oleh Persidangan MAIPk kali Ke-185, bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan oleh Majlis bagi memastikan risiko-risiko dalam setiap aktiviti harian dan pelaburan MAIPk dapat ditangani malah akan cuba dihindari dari ancaman dan kemusnahan dengan pelbagai pelan tindakan yang akan dibangunkan. Semoga MAIPk terus beroperasi dengan amalan tadbir urus yang baik (*good governance practice*) dan sentiasa diberkati Allah S.W.T.



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN FAKIR MISKIN DAN BENCANA ALAM DAERAH SELAMA

SELAMA – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) terus menyantuni golongan fakir dan miskin daerah Selama selaras dengan peranan dan tanggungjawab MAIPk. Satu Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Fakir Miskin dan Bencana Alam diadakan oleh MAIPk Daerah Selama telah dirasmikan oleh Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan Selama iaitu YDH. Toh Muda Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Wan Mohd Isa Bin Dato' Haji Wan Mohd Razali pada 22 April 2014 di Dewan Dataran Selama. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhammed, Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, En. Mohd Saufi bin Ibrahim dan Pegawai Baitulmal Daerah Selama, En. Muhammad Faiz bin Zakaria.

Dr. Amiruddin Bin Muhammed dalam ucapannya menyatakan komitmen MAIPk untuk terus membantu golongan fakir dan miskin keluar daripada kepompong kemiskinan. Pada masa yang sama, golongan fakir dan miskin turut bersedia untuk mengubah diri ke arah yang lebih baik demi generasi akan datang. KPE MAIPk turut menjelaskan dari semasa ke semasa, pihak MAIPk sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat.

Dalam majlis tersebut, pihak MAIPk telah menyampaikan bantuan kewangan kepada 319 orang fakir miskin, enam orang anak yatim dan dua orang muallaf. 27 orang mangsa kejadian ribut di Kampung Kuala Sungai Rambutan, Selama turut menerima sumbangan dari MAIPk. Semoga dengan pemberian bantuan ini dapat merealisasikan tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh MAIPk demi kesejahteraan ummah.



JALONG TINGGI – MAIPk meneruskan komitmen meningkatkan taraf kehidupan asnaf Muallaf dengan membina tujuh buah rumah baharu di Kampung Orang Asli (KOA) Landap, Jalong Tinggi, Sungai Siput. Jumlah keseluruhan pembinaan rumah-rumah tersebut ialah RM280 ribu. Satu majlis penyerahan kunci rumah-rumah tersebut telah diadakan pada 22 April 2014. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhammed. Selain daripada penduduk KOA Landap, turut menghadiri majlis ini ialah Pegawai Tadbir Kuala Kangsar, Pegawai Baitulmal Daerah, Penghulu Mukim Sungai Siput dan Penyelaras KL Volunteer.

Penyelaras KL Volunteer, Dr. Ahmad Suhaimi bin Md. Aris mewakili penduduk KOA Landap menyatakan betapa pentingnya bantuan yang diberikan kerana kemudahan penginapan yang dimiliki oleh sebahagian keluarga di sini kurang memuaskan. Beliau mengucapkan terima kasih kepada MAIPk atas bantuan pembinaan rumah baharu. Diharap keluarga-keluarga yang menerima bantuan ini dapat menetap di rumah tersebut dan tidak lagi menetap di rumah lama mereka. Di samping itu, dengan adanya rumah-rumah baharu ini, masalah gejala sosial yang melanda kampung tersebut dapat dikurangkan.

Pada majlis ini juga turut disampaikan bantuan pembangunan Islam kepada tiga surau iaitu Surau Nurul Hidayah KOA Kajang berjumlah RM50 ribu, Surau Nurul Hidayah Keeb berjumlah RM30 ribu dan Surau Nurul Hidayah KOA Lalang berjumlah RM20 ribu. Selepas majlis penyerahan diadakan bacaan doa selamat. Didoakan penduduk KOA Landap, Jalong Tinggi Sungai Siput turus istiqamah mengamalkan Islam.

ASNAF MUALLAF TERIMA BANTUAN RUMAH MAIPk



SKIM BANTUAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (SIRI 2)

BIL.	JENIS BANTUAN	SKOP BANTUAN
1.	Bantuan Persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop Bantuan Persekolahan adalah meliputi perkara-perkara berikut – <ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran tambahan/sumbangan persekolahan; ii. Bayaran asrama; iii. Buku dan peralatan sekolah; dan iv. Pakaians seragam sekolah/sukan. ■ Kadar bantuan yang disediakan adalah sekaligus berdasarkan penyata bayaran yang dikemukakan oleh pihak sekolah atau mana-mana nilai yang lebih rendah.
2.	Bantuan Am Pelajaran - Fisabilillah	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop bantuan hanya untuk menjelaskan yuran pendaftaran semester pertama ke institusi pengajian tinggi sama ada di peringkat matrikulasi/ asasi, sijil, pra-diploma, diploma atau ijazah pertama (sarjana muda). Bagi pengajian peringkat sarjana atau doktor falsafah (Ph.D) boleh dipertimbangkan bagi kes-kes khas sahaja.
3.	Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop bantuan persekolahan ini adalah dalam bentuk biasiswa secara tahunan sebagai pembiayaan sepanjang tempoh pembelajaran di peringkat menengah.
4.	Saguhati Galakan Kelas Fardhu Ain	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop bantuan untuk menggantikan sumber pencarian yang hilang ketika menghadiri kelas fardhu ain. ■ Skop ini juga meliputi seperti saguhati kehadiran, penyewaan premis pengajian serta saguhati pengajar.
5.	Perjalanan Luar Negara Untuk Belajar (Pergi Dan Balik Sehala)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop bantuan yang akan disalurkan kepada asnaf adalah tambang seperti tiket perjalanan.
6.	Dermasiswa Fisabilillah	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop bantuan tersebut hanya untuk pemohon yang mengikuti kursus dalam bidang pengajian Islam berdasarkan kepada peringkat pengajian berikut – <ul style="list-style-type: none"> i. Pengajian Pondok/Tahfiz; ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia; iii. Diploma; iv. Ijazah Pertama (Sarjana Muda); dan v. Ijazah Sarjana.
7.	Dermasiswa Fisabilillah (Mesir Dan Jordan)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop dermasiswa tersebut hanya untuk pemohon yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dalam bidang berikut – <ul style="list-style-type: none"> i. Jurusan Syariah; ii. Jurusan Usuluddin; iii. Jurusan Bahasa Arab; iv. Jurusan Tahfiz Wal-Qiraat; dan v. Jurusan Perubatan.
8.	Bantuan Perkapita	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop bantuan tersebut hanya untuk SAR/SMAR/SABK/KAFA/TADIKA ISLAM berdaftar di bawah Enakmen Kawalan Sekolah Agama Rakyat 1996 Negeri Perak sebagai bantuan pengurusan sekolah.
9.	Anugerah Pelajar Cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> ■ Skop bantuan tersebut hanya untuk pelajar yang cemerlang di peringkat pengajian seperti berikut – <ul style="list-style-type: none"> i. PMR; ii. SPM; iii. STPM; iv. STAM; v. I'dadi; dan vi. Thanawi.

IMPIAN KAK TEH INGIN MENJADI PEMBAYAR ZAKAT

WALAUPUN pada awalnya kehidupan susah, beliau tetap gigih berusaha untuk berjaya dalam kehidupan. Ikuti pengalaman serta harapan salah seorang peserta program MyAsnaf Kerja MAIPk iaitu Puan Fadillahtul Shina Bt Ismail (Kak Teh) yang ditemubual oleh Encik Mohd Syakirin bin Jalaludin, wartawan buletin Wadah MAIPk.

LATAR BELAKANG DAN PENGALAMAN

Kak Teh merupakan seorang janda dan mempunyai dua anak lelaki yang masih bersekolah. Kami tinggal bersama dengan ibu Kak Teh yang merupakan penghidap barah. Kak Teh merupakan penerima bantuan bulanan dari MAIPk. Kak Teh pernah mengalami kemalangan di rumah yang mengakibatkan slipped disc pada tulang belakang yang menyebabkan Kak Teh tidak boleh buat kerja-kerja berat. Kak Teh tiada menerima nafkah daripada bekas suami untuk menara anak-anak Kak Teh. Kak Teh pernah mengikuti kursus jahitan di Giat Mara Bukit Gantang, Taiping pada tahun 2012.

PROGRAM PEMERKASAAN ASNAF MELALUI MY ASNAF KERJA MAIPk


Kak Teh di sini bersama-sama dengan rakan-rakan yang susah dibantu oleh MAIPk untuk meningkatkan pendapatan kami. Syarikat Kreatif Collection diwujudkan bagi mencapai azam dan cita-cita kami. Kami dibentuk dengan konsep kerjasama dan diberikan peranan masing-masing bagi memperkemaskan hasil jahitan. Alhamdulillah, pihak MAIPk banyak memberi bantuan daripada segi peralatan dan latihan serta pemasaran untuk meningkatkan kualiti hasil jahitan serta permintaan daripada masyarakat. Kak Teh dan rakan-rakan turut menerima elauan dan tunjuk ajar dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Sehingga kini, kami menerima pelbagai tempahan baju daripada orang perseorangan, kedai-kedai pembekal baju dan syarikat-syarikat. Premis Kreatif Collection boleh dikunjungi di 74A, Laluan Klebang Restu 2, Medan Klebang Restu, Chemor.

HARAPAN DAN CITA-CITA PADA MASA HADAPAN

Kak Teh berazam dan bercita-cita untuk meningkatkan taraf kehidupan keluar daripada golongan asnaf serta dapat menyumbang kepada para asnaf dengan mengeluarkan zakat. Di samping itu juga, Kreatif Collection dikenali di seluruh Malaysia sebagai pembekal pakaian utama dan menjadi contoh serta inspirasi kepada asnaf-asnaf yang lain untuk berjaya.



KAK TEH DI SEBELAH KANAN SEKALI BERSAMA MENTOR DAN RAKANYA



SALAH SEORANG RAKAN KAK TEH SEDANG MENYIAPKAN JAHITAN



RUANG BEKERJA KREATIF COLLECTION



WASIAH yang disampaikan semasa raja-raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- [] Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU** (sekarang dikenali dengan nama **Malaysia**).
- [] Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, **TANAH SIMPANAN MELAYU** sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- [] Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta milik kamu, kami tubuhkan **REJIMAN ASKAR MELAYU** selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- [] Kamikekalkan dan kami jamin kerajaan dan KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- [] Kami isytiharkan **ISLAM** adalah agama Persekutuan.
- [] Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah **BAHASA MELAYU**.
- [] Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada raja-raja Melayu untuk melindungi **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU** dan kepentingan sah kaum-kaum lain (kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

LAPORAN PUNGUTAN ZAKAT SELURUH NEGERI PERAK MULAI JANUARI SEHINGGA APRIL 2014

JENIS ZAKAT	ZAKAT HARTA JUMLAH (RM)	ZAKAT PERNIAGAAN JUMLAH (RM)	ZAKAT TANAMAN JUMLAH (RM)	ZAKAT TERNAKAN JUMLAH (RM)	KESELURUHAN JUMLAH (RM)
DAERAH	TAHUN	2014	2014	2014	2014
BAGAN SERAI	254,993.55	36,700.00	140,389.40	4,250.00	436,332.95
BATU GAJAH	442,738.05	15,157.45	-	-	457,895.50
GERIK	210,208.20	26,075.46	-	-	236,283.66
IBU PEJABAT	3,181,331.06	7,382,841.00	1,096,345.36	-	11,660,517.42
KAMPAR	215,496.45	15,985.50	-	700.00	232,181.95
KAMPONG GAJAH	205,012.78	181,313.85	122,845.01	500.00	509,671.64
KUALA KANGSAR	884,894.24	68,770.45	6,069.00	1,300.00	961,033.69
LENGGONG	139,197.30	17,825.00	-	3,000.00	160,022.30
MANJUNG	1,155,235.71	129,446.07	1,050.00	-	1,285,731.78
PARIT BUNTAR	272,526.50	137,619.73	-	120.00	410,266.23
PENGKALAN HULU	55,015.65	26,276.00	-	-	81,291.65
SELAMA	96,338.40	11,363.00	494.00	-	108,195.40
SERI ISKANDAR	465,903.76	33,180.00	61,565.55	2,030.00	562,679.31
SLIM RIVER	343,525.89	35,623.28	100.00	4,500.00	383,749.17
TAIPING	1,204,922.47	89,646.02	3,633.50	-	1,298,201.99
TAPAH	653,680.70	87,383.18	365.00	3,800.00	745,228.88
TELUK INTAN	885,834.27	136,494.70	38,797.70	7,150.00	1,068,276.67
UTC	755,893.62	6,438.50	1,648.30	-	763,980.42
JUMLAH	11,424,762.60	8,438,139.19	1,473,302.82	27,350.00	21,361,540.61



AGIHAN PEMBANGUNAN ZAKAT JANUARI SEHINGGA APRIL 2014

ASNAF	TAHUN	2014		
		JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PRESTASI (%)
FAKIR MISKIN		68,046,930.00	12,955,410.77	19.04
MUALLAF		6,078,250.00	426,344.35	7.01
GHORIMIN		975,010.00	234,633.24	24.06
IBNU SABIL		950,010.00	151,924.00	15.99
FISABILILLAH		32,066,800.00	3,216,780.75	10.03
JUMLAH		108,117,000.00	16,985,093.11	15.71